



SAINTIS di Sweden berusaha hasilkan tisu tulang rawan baru untuk pesakit artritis dengan menggunakan tisu tulang rawan lembu.

## Tulang rawan lembu diharap ubati artritis

H Metro 23/1

**Stockholm:** Beberapa saintis mengambil pendekatan baru merawat artritis dengan menggunakan tisu tulang rawan lembu di makmal.

Walaupun artritis sering dikaitkan dengan golongan tua, kajian menunjukkan satu daripada empat pesakit berusia di bawah 45 tahun.

Rawatan menggantikan sendi lutut dengan besi sering digunakan, tetapi kaedah itu tidak menjamin penyelesaian terbaik kerana ia juga boleh rosak.

Janne Ylarinne, pelajar perubatan di Universiti Umea di Sweden berkata: "Ketika ini, tiada cara terbaik untuk merawat artritis.

"Rawatan pembedahan mungkin membantu apabila

kerusakan pada tulang rawan kecil. Bagaimanapun, pembedahan menggantikan sendi satu-satunya penyelesaian bagi mereka yang mengalami kerosakan tulang rawan yang teruk.

"Bagaimanapun, pembedahan sendi hanya bertahan selama beberapa dekad dan tidak sesuai untuk yang muda. Jadi kita perlu penyelesaian yang lebih kekal," katanya.

Eksperimen yang dijalankan saintis di universiti itu membabitkan kejuruteraan penggantian tulang rawan di dalam makmal. Mereka menghasilkan tisu yang serupa dengan tisu asal di dalam tubuh manusia. - Agensi